

29/12/1999

Rapatkan kembali hubungan antara rakyat

RAMADAN tahun lalu bermula Disember manakala Aidilfitri disambut pertengahan Januari 1999. Tarikh itu tidak banyak berbeza pada Ramadan dan Aidilfitri kali ini. Cuma ketika itu kegawatan politik agak memuncak. Beberapa bulan sebelumnya, rusuhan dan perhimpunan haram berlaku di sekitar ibu kota. Ketika Ramadan, keadaan tenteram seketika. Tetapi, penentangan terhadap kerajaan bertukar pula di masjid dan surau.

Majlis tazkirah dijadikan ceramah untuk memfitnah kerajaan sehinggakan jemaah tidak selesa menunaikan ibadah tarawih. Ketika itu bahang pilihan raya semakin terasa. Pembangkang dan kumpulan reformasi menghidangkan pelbagai persoalan kepada rakyat.

Mereka dituntut membuat satu penentuan. Sentimen dan perasaan rakyat dibakar. Mereka mendakwa rakyat hidup tanpa diberi kebebasan dan hak bersuara mereka dinafikan. Mereka mendakwa kononnya usaha memperjuangkan keadilan disekat. Khazanah negara kononnya digunakan sewenang-wenangnya dan dana institusi kewangan diserap untuk melaksanakan projek raksasa.

Rakyat kononnya tidak langsung diberi kebebasan, malah pemikiran mereka dipesongkan sehingga terpaksa merelakan penindasan serta kezaliman. Mereka kononnya tidak berani untuk menegakkan keadilan. Pimpinan dan individu tertentu dituduh angkuh dan rakus dengan kekayaan. Kronisme dan nepotisme menjadi bahan bualan. Tanah, saham, lesen, kontrak, peluang penswastan mereka dakwa menjadi habuan golongan tertentu.

Semua ini adalah dakyah pembangkang dan kumpulan reformasi yang mereka bawa pulang ke kampung halaman menyambut hari raya ketika itu. Mereka diperalatkan supaya membawa mesej menghasut rakyat untuk melakukan satu perubahan. Jelas kempen menyokong pembangkang dan memburukkan kerajaan agak panas ketika itu. Risalah dan pelbagai bahan bertulis dibawa pulang disebar di kampung.

Perbezaan politik ketika itu semakin dirasakan, walaupun tidaklah sehebat ketika Pas mengkafirkan Umno. Tetapi bibit pertentangan politik, semakin terserlah. Apabila bertemu sanak-saudara dan rakan-taulan, isu politik dan keburukan kerajaan menjadi bahan perbualan. Kadangkala timbul juga ketegangan apabila emosi dan kemarahan sukar dikawal.

Bagi kebanyakan ibu bapa, mereka biasanya memberi sokongan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN). Hanya golongan muda yang pulang dari ibu kota mengetengahkan pelbagai rasional mengapa pembaharuan mesti dilakukan.

Diharapkan suasana seperti itu tidak ada lagi pada musim perayaan kali ini. Sesiapapun tidak perlu berkempen lagi kerana pilihan raya umum sudah pun berlalu. Sebagaimana diminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semua pihak mesti membetulkan semula hubungan sesama sendiri. Selepas sepanduk, bendera dan poster diturunkan beberapa minggu lalu, setiap rakyat wajar bertegur sapa dan merapatkan kembali hubungan.

Hubungan silaturahim mesti diperbetulkan agar rakyat terus hidup dalam suasana tenang dan bahagia. Malah kita bersyukur pilihan raya umum lalu diadakan tanpa rusuhan dan pertumpahan darah walaupun wujud perpecahan. Marilah bermaaf-maafan atas segala keterlanjuran dan kata-kata kesat yang pernah dilemparkan.

Tugas semua rakyat ialah merapatkan semula kekuatan dan perpaduan. Walau siapa pun yang diundi, semuanya perlu menghormati pemimpin yang dipilih kerana itu adalah jaminan kepada sistem demokrasi untuk terus hidup subur. Tidak perlu bermusuhan lagi. Semua perasaan kecil hati dan terluka perlu dibuang, sebaliknya kita menggembungkan tenaga untuk bekerja sebagai satu

pasukan yang padu.

Semua pihak perlu sedar sama ada menang atau kalah dalam pilihan raya adalah proses demokrasi. Sama ada calon kita tewas atau berjaya, tugas dan cabaran paling utama ialah meneruskan kestabilan serta keamanan negara di samping menjamin ekonomi negara terus mantap.

Tugas kerajaan ialah mengatur strategi bagi memastikan cita-cita bagi menjadikan Malaysia negara maju dicapai dan seterusnya menjadi bangsa Malaysia dihormati di serata dunia.

Tugas pembangkang pula menegur secara membina. Rakyat berharap mereka saling memantau tugas untuk menghasilkan rekod perkhidmatan cemerlang dan menaikkan imej Malaysia sebagai pendukung demokrasi tulen.

Kini demokrasi yang memberi hak dan peluang rakyat menjatuh atau menaikkan pemimpin menerusi pilihan raya sudah dilaksanakan dan keputusannya diketahui. Semua mesti akur hanya mereka yang mendapat sokongan majoriti, berhak memerintah.

(END)